

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**

**[ SIMPANG RENGGAM – BN GERAKAN ]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017**

**SOALAN : 24**

Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta PERDANA MENTERI menyatakan pandangan Kementerian untuk memberi peluang kepada “pelarian-pelarian” (*refugees*) yang berada di Malaysia untuk bekerja sementara (*temporary employment*) dalam sektor pekerjaan 3D “dirty, difficult and dangerous” (kotor, sukar dan bahaya), sementara mereka menunggu penempatan semula (*resettlement*).

**JAWAPAN:      YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, dasar sedia ada Kerajaan adalah tidak membenarkan "pelarian" yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) yang sah untuk bekerja di Malaysia. Malaysia sebagai negara bukan ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967 tidak mempunyai tanggungjawab untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

Jika golongan ini dibenarkan bekerja secara sah, ia akan menjadi faktor penarik kepada kemasukan lebih ramai lagi warga asing dan juga Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang akan mendakwa diri mereka sebagai "pelarian".

Walau bagaimanapun, mengambil kira isu sara hidup yang dihadapi pemegang kad UNHCR, Kerajaan telah melaksanakan Projek Perintis Kebenaran Bekerja untuk pemegang kad UNHCR etnik Rohingya, Myanmar untuk bekerja dalam sektor perladangan dan perkilangan bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 1 Mac 2017, dengan kerjasama pihak swasta dan UNHCR.

Sekian, terima kasih.